

19 AUG 1996
Mahathir-S46

PENYERTAAN SEMULA KU LI KE DALAM UMNO TANPA SYARAT, TEGAS PM

KUALA BERANG, 19 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menegaskan bahawa kemasukan semula Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah dan penyokong-penyokongnya ke dalam UMNO tidak lama lagi adalah tanpa sebarang syarat.

Sambil menyambut baik cadangan pembubaran S46 yang dijadualkan pada 6 Okt, Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO juga berkata beliau tidak mahu melihat kemasukan Tengku Razaleigh dan pengikut-pengikutnya kelak melahirkan puak-puak tertentu di dalam UMNO.

"Mereka hendaklah masuk sebagai ahli, menikmati hak-hak yang sewajarnya dinikmati oleh ahli UMNO yang lain dan terikat dengan disiplin UMNO," katanya pada persidangan berita di Tasik Kenyir Golf Resort, 40 km dari sini hari ini.

Dr Mahathir membuat kenyataan itu ketika diminta mengulas pengumuman Tengku Razaleigh semalam bahawa S46 akan dibubarkan pada 6 Okt dan beliau serta pengikut-pengikutnya akan menyertai UMNO.

-- BERNAMA